

Mahathir seru rakyat ubah sikap bekerja

UM 15 AUG 1985

KUALA TERENGGANU 14 Ogos — Datuk Sri Dr. Mahathir Mohammad hari ini menyeru rakyat supaya mengubah sikap bekerja bagi memperolehi nikmat yang lebih dan kecukapan diri sendiri.

Perdana Menteri berkata: "Nikmat tidak akan diperoleh tanpa usaha dan kita tidak akan mendapat apa - apa sekiranya hanya menunggu kekayaan tanpa berbuat apa - apa."

Berucap di hadapan lebih 10,000 orang rakyat Terengganu ketika merasmikan expo 10 tahun pembangunan negeri di Padang Hiliran di sini, beliau berkata:

"Saya percaya terdapat sungutan dari pihak - pihak tertentu yang bertanya apakah yang diperolehi oleh rakyat dari perbelanjaan \$5,000 juta di negeri ini."

Beliau mengakui persoalan itu akan menimbulkan rasa marah di kalangan rakyat, sambil menambah "yang kita dapat, kita tidak kira. Kita hanya kira apa yang kita tidak dapat, maka banyakkah yang kita tidak dapat."

Bagaimanapun, beliau mengingatkan bahawa rakyat tidak akan berpuas hati selagi tidak sanggup mengubah usaha "kerana menunggu tanpa berbuat apa - apa akan membawa kekecewaan."

Dalam hubungan ini, beliau membayangkan perlunya rakyat Terengganu mengamati usaha yang dilakukan oleh orang - orang Jepun dalam meningkatkan pengeluaran.

Katanya, dalam perusahaan tembaga dan song-

ket, cara yang dikendalikan tidak mendapat banyak untung kerana para pengusaha hanya melakukan secara sambilan sahaja.

"Songket dibuat sehelai sebulan dan untuk itu harganya pula tentunya tinggi untuk cukup menampung perbelanjaan sebulan. Selain dari harganya tinggi, orang yang mampu membeli atau memakainya hanya satu dua orang sahaja," katanya.

Untuk itu, beliau menyarankan supaya perusahaan itu dijalankan ala syarikat, mengadakan alat moden dan pekerja tetap.

"Sekiranya ini dapat dilakukan, kita akan dapat mengeluarkan hasil itu dengan lebih banyak lagi dan harganya juga akan turun.

"Apabila jumlah jualan nya meningkat, kadar keuntungan juga akan bertambah," jelasnya.

Bagaimanapun, tambah beliau, hal itu semuanya bergantung kepada sikap, sama ada untuk menjadi pengusaha sambilan atau pengusaha tetap.

Selain daripada saranan itu, Perdana Menteri juga melahirkan rasa sedih kerana banyak perusahaan yang asalnya kepunyaan Melayu apabila diperolehi oleh orang lain, mereka menjadikannya sebagai punca kekayaan.

"Contohnya ialah sate, orang Melayu boleh membuat sate yang paling baik, tetapi apabila orang lain yang membuatnya dengan cara yang lebih baik, kita marah.

"Yang salah ialah kita dan sebelum kita salahkan orang lain, kita perlu salahkan diri kita terlebih dahulu," tegas Perdana Menteri.